



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

30 Ogos 2020

1. Bina sekatan elak sisa najis babi masuk sawah
2. Anjing diwarnakan menyerupai harimau

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 30 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	22	
Perkara	Pencemaran bau	

Bina sekatan elak sisa najis babi masuk sawah

Penyelesaian jangka pendek atasi pencemaran Sungai Kereh

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Tasek Gelugor: Tindakan membina sekatan bagi mengelak sisa najis babi masuk ke dalam sawah padi antara penyelesaian jangka pendek yang akan diambil bagi mengatasi masalah pencemaran Sungai Kereh, di sini yang menghantui kira-kira 1,000 penduduk sejak 40 tahun lalu.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya, berkata cadangan membina sekatan itu diutarakan ke Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam perbincangan yang diadakan baru-baru ini susulan rungutan daripada petani yang mendakwa bahawa hasil pertanian mereka merosot ekoran masalah terbabit.

Katanya, untuk mengatasi masalah pencemaran air dan bau memerlukan tempoh masa yang panjang, namun untuk mengelak najis babi berkenaan masuk ke dalam sawah padi pembinaan sekatan sungai perlu dilakukan.

"Oleh itu, dalam perbincangan diadakan, JPS mengutarakan cadangan ini dan kita sedang dalam usaha mencari peruntukan dianggarkan RM800,000 bagi membina sekatan untuk penyelesaian jangka masa pendek ini.

"Kita yakin dengan adanya sekatan sungai ini nanti maka kelompok padi yang berdekatan masalah pelepasan najis babi dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Peralatan



Shabudin (kiri) menyampaikan peralatan pertanian kepada kelompok tani dalam Parlimen Tasek Gelugor, Pulau Pinang, semalam.
(Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

Pertanian Kepada Kelompok Tani Dalam Parlimen Tasek Gelugor, di sini, semalam.

Shabudin yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), berkata dakwaan sesetengah pihak menyatakan tiada sebarang usaha dilakukan berhubung isu terbabit adalah tidak benar sama sekali sebaliknya pada peringkat Parlimen sudahpun menggerakkan inisiatif jangka pendek sejak beberapa tahun lalu.

"Ia terbukti apabila pada tiga atau empat tahun lalu, kita dengan kerjasama agensi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan JPS membuat

sungai baharu berdekatan Empangan Tok Keramat di kawasan Padang Chempedak yang mana kerja-kerja pam air daripada takungan atau pintu air Sungai Jarak di kawasan terbabit disalurkan ke sungai baharu itu yang akan mengawal air bersih ke pekat sawah Kampung Selamat dengan peruntukan sebanyak RM2.3 juta.

"Hasilnya masalah kelompok padi yang terjejas ekoran pencemaran berkenaan dapat diatasi dan kini kita dalam usaha membina sekatan supaya lebih banyak yang akan memperoleh manfaat," katanya.

Jelasnya, masalah pencemaran itu dibangkitkan sepanjang masa

dan mendapat perhatian semua yang terbabit, namun proses atau cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi permasalahan itu dilihat agak perlahan memandangkan memerlukan pertimbangan banyak pihak.

"Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan negeri (PBT) juga sedang berusaha memperkenalkan peraturan ke atas penternakan babi yang mana kita berharap apabila ia dikuatkuasakan tindakan lebih agresif dapat diambil.

"Ini bukan isu membabitkan kaum, tetapi ia adalah isu membabitkan semua pihak dalam sama-sama menjaga alam semula jadi," katanya.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 30 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	11	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Anjing diwarnakan menyerupai harimau

Tular

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Persatuan Haiwan Malaysia (PHM) menawarkan hadiah kepada pemberi maklumat berhubung kejadian seekor anjing diwarnakan menyerupai harimau.

PHM dalam hantaran menerusi Facebooknya turut berkongsi gambar-gambar anjing berkenaan, bagaimanapun tidak dapat dipastikan kejadian tersebut

berlaku di dalam negara atau sebaliknya.

"Bantu Animal Malaysia cari lokasi di mana dan milik siapa.

"Hadiah misteri menanti kepada pemberi maklumat lengkap jika di dalam negara ini," katanya yang dimuat naik di Facebook semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta menghubungi WhatsApp hotline *Animal Malaysia* di talian 011-20901097.

Setakat ini, hantaran tersebut sudah dikongsi 2,300 pengguna Facebook.

Sementara itu, pemilik akaun

Facebook bernama Diana Juni mengesahkan tindakan individu yang mewarnakan anjing itu.

"Binatang pun hendak dijadikan hiburan, kesian anjing itu.

"Harap pihak berwajib dapat mengesan dan ambil tindakan terhadap pelaku," ujarnya.

Turut berkongsi pandangan sama, Hidayah Nhaz yang berkata, dia bimbang sekiranya orang awam membuat andaian anjing itu harimau sebenar dan berkeungkinan ditembak.

"Kejamnya, kalau ada orang irgat anjing itu harimau, mesti haiwan itu akan ditembak mati," katanya.



GAMBAR seekor anjing yang tular selepas diwarnakan menyerupai seekor harimau.